

SEP 2024 / BIL. 12 / 2024

# EON

*Epitome of Nature*

SIFAR KEMISKINAN DAN KELAPARAN



MAJALAH PP BIOLOGI  
UITMCNS

ISSN 2773-5869



9 772773 586005

# PELANCONGAN LUAR BANDAR: PEMACU POTENSI EKONOMI TANAH TINGGI BARIO

Ranee Atlas<sup>1</sup>, dan Tina Stephen Enggong<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sains Komputer, Matematik dan Pelancongan,  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban 70300  
Seremban, Negeri Sembilan

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Perakaunan, Kampus Samarahan 2, 94300 Kota  
Samarahan, Sarawak

ranee@uitm.edu.my

EDITOR: DR. MU'ADZ AHMAD MAZIAN


## Pengenalan

Terletak pada ketinggian sekitar 3,500 kaki di atas paras laut di kawasan timur laut Sarawak ialah dataran tinggi terkenal Bario, sebuah wilayah Kelabit, salah satu suku minoriti Orang Ulu di Sarawak. Bario bermaksud 'Angin' dalam bahasa Kelabit. Bario juga dikenali sebagai 'tanah seratus salam' kerana penduduk tempatan yang sangat mesra akan menyambut pelawat dan pelancong dengan cara ini ketika berjalan-jalan di sekitar komuniti ini.

Bario merupakan sebuah daerah kecil yang menempatkan sekitar tiga belas kampung. Kampung Bario Asal adalah perkampungan Kelabit yang pertama, juga rumah panjang yang mesti dikunjungi yang mana pengunjung boleh melihat struktur rumah tradisi yang unik dari segi binaan dan juga penggunaan dapur kayu kuno yang masih digunakan untuk memasak sehingga ke hari ini.

## Tarikan pelancong di Bario

Selain keindahan alam sekitar, Bario juga amat terkenal dengan warisan budaya. Rata-rata pengunjung yang datang untuk menikmati pemandangan sawah padi dan menjelajah hutan belantara yang masih terpelihara serta menyelami



Gambar 1: Ikan Semah (*Tor* spp., family Cyprinidae) diantara menu istimewa di Bario (Sumber: Koleksi peribadi penulis)

budaya masyarakat Kelabit yang masih mempertahankan tradisi mereka. Aktiviti mendaki gunung, bersantai di homestay tradisional, serta menikmati warisan kuliner yang autentik turut menjadi daya tarik utama bagi pengunjung yang mencari pengalaman unik di kawasan ini.

Masyarakat Orang Ulu di Bario amat berbangga mengekalkan dan menjaga warisan budaya mereka. Melalui pelancongan, pengunjung dapat menghargai seni bina tradisional, muzik etnik yang merdu, dan warisan kuliner yang autentik. Inilah peluang untuk meningkatkan kesedaran dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya di Sarawak.

Tempat ini juga mempunyai makanan organik yang luar biasa seperti beras Bario yang terkenal dan nanas. Selain itu Bario turut terkenal dengan pelbagai khazanah alam seperti penghasilan garam bukit, pelbagai hasil flora dan fauna serta rempah ratus tempatan. Bario turut mendapat tempat di dalam kalendar pelancongan negeri Sarawak dengan penganjuran acara tahunan, Festival Makanan Bario. Acara ini yang juga dikenali sebagai 'Pesta Nukenen', yang diadakan pada bulan Julai setiap tahun merupakan acara yang terkenal di peringkat antarabangsa.

## Pemeriksaan Ekonomi Tempatan

Tanah Tinggi Bario, terletak di Sarawak, Malaysia, bukan hanya sebuah destinasi indah

tetapi juga sebuah sumber potensi ekonomi yang penting bagi kawasan ini. Dikenali dengan landskapnya yang menakjubkan dan keunikan budayanya, Bario menawarkan pelbagai peluang untuk membangunkan sektor pelancongan sebagai penyumbang utama kepada ekonomi tempatan.

Pengembangan pelancongan di Bario tidak hanya menyumbang kepada pendapatan individu dan komuniti tempatan tetapi juga membawa peluang untuk memajukan perniagaan kecil dan sederhana. Homestay, restoran tempatan, dan pengeluaran produk pertanian organik adalah di antara contoh inisiatif yang memberi manfaat kepada penduduk tempatan dan menambah nilai ekonomi kawasan ini.

## Cabaran dan Peluang ke Arah Pembangunan Lestari

Walaupun potensi pelancongan



Gambar 2: Bangkai pesawat British 1964, salah satu tarikan di Bario (Sumber: Koleksi peribadi penulis)

di Bario besar, namun terdapat cabaran yang perlu diatasi seperti infrastruktur yang terhad dan pemeliharaan alam sekitar. Dengan pengurusan yang bijak dan kesedaran akan kelestarian alam, Bario dapat terus membangunkan industri pelancongan secara mampan.

Pelancongan di Tanah Tinggi Bario bukan sekadar menyaksikan keindahan alam yang menakjubkan tetapi juga memberi sumbangan yang penting kepada ekonomi setempat. Dengan pelbagai inisiatif untuk memajukan sektor ini, Bario mempunyai potensi yang besar untuk menjadi destinasi pelancongan utama yang merangkumi keindahan alam dan keunikan budaya di Sarawak.

Kebanyakan masyarakat setempat di sini merupakan warga emas kerana ramai yang telah berhijrah ke kawasan bandar berhampiran dan hanya akan kembali ke Bario pada musim cuti dan pesta tempatan. Oleh yang demikian, pembangunan yang melibatkan pencerobohan ke atas alam sekitar, termasuk flora dan fauna adalah sangat minima dan terkawal.



Gambar 3: Twin Otter DHC-6 pengangkutan utama ke Tanah Tinggi Bario (Sumber: Koleksi peribadi penulis)



Gambar 4: Penulis bersama pengusaha Anita-Elvis Homestay di kediaman mereka di Tanah Tinggi Bario  
(Sumber: Koleksi peribadi penulis)

Penduduk setempat amat prihatin dalam memelihara dan menjaga kelestarian alam kerana menyedari akan pentingnya alam sebagai sumber kehidupan serta ekonomi.

### Kesimpulan

Walaupun tempat ini amat menarik untuk dilawati,

namun lokaliti yang agak tersisih dari laluan pelancongan utama, menjadikan lawatan ke sini terasa agak sukar kerana kebolehcapaian maklumat adalah agak terhad. Para pengunjung yang hendak ke Bario perlu melalui pengalaman menarik menggunakan penerbangan Twin Otter (19-seater) oleh

kerana bentuk muka bumi yang sangat mencabar untuk membina laluan darat. Melalui keterlibatan di dalam pelancongan luar bandar, masyarakat yang menghuni tanah tinggi ini banyak mendapat manfaat dari segi ekonomi. Di antara aktiviti utama termasuk termasuk mengusahakan inap desa (homestay), perniagaan kecil dan sederhana, premis makanan dan minuman malah menjual hasil pertanian organik seperti beras, garam bukit, nanas dan sebagainya. Walaupun majoriti penduduk kawasan ini tidak ramai, kehidupan mereka sangat harmoni dan sejahtera dan mereka berasa bertuah kerana hasil alam yang tidak ternilai.

Bagi para pengunjung pula, rata-rata yang datang mengakui bahawa Tanah Tinggi Bario adalah sebahagian dunia yang sangat istimewa, sehingga ada yang datang berulang kali untuk berehat dan melegakan minda dari kesibukan kota dan mengurangkan tekanan.